



**UCAPAN PERASMIAN  
MAJLIS PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN (OSH WEEK) 2018**

**YB DATO' MAHFUZ BIN OMAR  
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**

Tarikh : 10 Julai 2018 (Selasa)  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : PERODUA Learning Centre, Ibu Pejabat PERODUA, Sg.  
Choh, Rawang, Selangor

Disediakan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh dan Salam Sejahtera.

*(Mohon Rujuk Senarai Protokol)*

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan pada pagi ini. Saya juga turut berasa gembira kerana di pagi ini, saya berkesempatan untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan semua sempena Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (OSH Week) 2018.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan majlis pada hari ini. Semangat sebegini amat diharapkan daripada semua pihak agar segala tujuan dan matlamat dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja dapat dicapai.
3. Saya juga ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Negeri Selangor dan juga Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (PERODUA) kerana berjaya menganjurkan sambutan pada hari ini. Tidak dilupakan juga kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan serta agensi-agensi dibawah KSM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan ini. Tahniah diucapkan.

YBhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Pengenalan OSH Week dan Konsep OSH Week)*

4. Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih dikenali sebagai *OSH Week* adalah satu acara tahunan yang disambut pada minggu ke-2 bulan Julai setiap tahun bermula tahun 2006. Pelbagai program dan aktiviti telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi menjayakan sambutan minggu KKP. Sambutan ini bertujuan bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan serta mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan, pekerja dan orang awam. Pada tahun ini, Minggu KKP telah disambut mulai 9 hingga 15 Julai di seluruh Negara dan kemuncaknya adalah Majlis yang akan

diadakan di Ipoh, Perak bersama-sama YB Menteri Sumber Manusia pada 28 Julai 2018.

5. Pada tahun ini, tema atau konsep (*OSH Week*) adalah *Workplace Accident Free Week* (WAFEW) atau Minggu Bebas Kemalangan Di Tempat Kerja. Konsep program ini adalah satu konsep baharu yang digunakan oleh JKPP ke arah pengurangan Kadar Kemalangan dan Maut di Tempat Kerja pada tahun 2018. Program intervensi inovatif ini adalah program yang mempunyai liputan luas selain berkos rendah dan efektif dari aspek pelaksanaannya.
  
6. Saya telah dimaklumkan bahawa program '*Workplace Accident Free Week*' mendapat sambutan yang melibatkan hampir **800 tempat kerja** di seluruh Malaysia yang melibatkan hampir **320,000 pekerja dan majikan**. Jumlah ini menunjukkan komitmen yang tinggi telah mula diberikan oleh majikan dan pekerja terhadap isu-isu berkaitan KKP di tempat kerja. Ini bermakna mesej mengenai isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) telah dapat disampaikan secara langsung kepada para majikan dan pekerja di Negara kita. SYABAS DAN TAHNIAH atas usaha ini.

YBhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Workplace Accident Free Week)*

7. Untuk makluman semua, kemalangan di tempat kerja di Negara kita pada tahun 2017 adalah **116 kes setiap hari** bersamaan 42,513 kes setahun manakala kemalangan maut pula ialah **2 kes setiap hari** bersamaan 711 kes setahun. Justeru itu, dalam usaha menjadikan tempat kerja selamat, sihat dan bebas dari kemalangan dan penyakit, Kerajaan menyeru agar semua pihak sama ada pekerja, majikan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk bersama-sama menjalankan program dan aktiviti yang menyumbang ke arah pengurangan kemalangan. Inisiatif bagi mengurangkan kemalangan ini adalah selari dengan prinsip peraturan sendiri atau '*self regulation*' yang menjadi teras Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).
  
8. Prinsip dan Falsafah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menyatakan "**Tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah terletak kepada mereka yang mewujudkan risiko dan mereka yang bekerja dengan risiko berkenaan**". Dalam konteks ini mereka yang mewujudkan risiko adalah para majikan dan siapa yang bekerja dengan risiko adalah

para pekerja. Konsep Peraturan Kendiri atau *Self-Regulation* amat penting difahami dan diterapkan di tempat kerja kerana melibatkan penglibatan dan perundingan majikan dan pekerja. Jika prinsip dan falsafah ini dapat difahami, usaha ke arah menjadikan tempat kerja yang selamat dan sihat akan bertambah mudah. Majikan dan pekerja perlu mengenalpasti bahaya-bahaya di tempat kerja, membuat analisis risiko dan yang paling penting adalah mengadakan kawalan risiko yang berkesan.

9. Perkara ini amatlah penting kerana ianya akan menyumbang kepada peningkatan tahap persekitaran kerja yang merupakan salah satu komponen kepada Kualiti Hidup Pekerjaan (*Quality of Working Life*) para pekerja dan produktiviti organisasi. Persekitaran kerja yang sihat dan selamat memberi kesan positif kepada peningkatan produktiviti para pekerja dan organisasi serta seterusnya akan meningkatkan hasil dan ekonomi Negara. Selain itu, ianya akan memberi kesan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga di Negara ini. Saya secara peribadi berpendapat, sekiranya kita semua mempunyai pandangan sebegini, usaha bagi mencapai matlamat budaya kerja selamat dan sihat bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi Negara akan menjadi kenyataan.

Ybhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,  
*(Tren Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan)*

10. Kejadian kemalangan dan penyakit pekerjaan akan berlaku jika para majikan dan pekerja tidak mengambil berat tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Adalah menjadi **TANGGUNGJAWAB MAJIKAN** untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerjanya. Komitmen orang nombor 1 (satu) dalam organisasi menentukan kejayaan dalam perkara ini. Jika statistik kemalangan maut 2 orang setiap hari pada tahun 2017 dijadikan ukuran, maka kita seharusnya perlu segera melakukan sesuatu agar ianya dapat dikurangkan malah sepatutnya tidak berlaku.
11. Justeru, bagi menangani isu ini, pihak kerajaan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sentiasa berusaha dan meningkatkan penguatkuasaan yang berkesan bagi memastikan semua tempat kerja berada di dalam keadaan selamat. Pada tahun **2017** sahaja, pihak JKKP telah menjalankan sebanyak **269,877 pemeriksaan** ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak **23,006 notis** telah dikeluarkan, **1,028**

**kesalahan** dikenakan kompaun dan sebanyak **324 kes** pendakwaan di mahkamah telah difailkan atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

12. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat komited dan prihatin dalam memastikan keperluan perundangan yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya oleh pihak yang terlibat. Walaubagaimanapun, adalah mustahil untuk bergantung sepenuhnya kepada penguatkuasaan, aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) perlu menjadi tanggungjawab utama majikan daripada pelbagai sektor di Negara ini. Persekitaran tempat kerja yang kondusif perlulah disediakan agar pekerja dapat menjalankan tugas dengan selesa, selamat dan sihat selain menjamin orang awam yang berada berhampiran dengan tempat kerja berkenaan dapat hidup dengan selamat, aman dan sejahtera dan tidak mendapat kesan negatif dari aktiviti pekerjaan tersebut.

YBhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

*(Harapan dan Saranan)*

13. Amalan budaya pencegahan di tempat kerja perlu diterapkan dan diamalkan oleh pihak majikan dan pekerja bagi mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan dari



berterusan berlaku di negara kita. Sehubungan dengan itu, pada kesempatan ini saya ingin menyeru dan berharap agar majikan dan tuan/puan yang berada di sini dan diluar sana supaya dapat bersama-sama mengadakan program kawalan risiko berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja masing-masing. Program ini perlu menjadi aktiviti berterusan organisasi bagi menjamin tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sentiasa bertambah baik. Seterusnya dapat mencapai sasaran pengurangan kadar kemalangan di tempat kerja dengan nisbah **2.64 bagi 1,000** orang pekerja dan kadar kemalangan maut kepada **4.56 bagi 100,000** orang pekerja pada tahun 2018.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Week) pada tahun ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua peserta yang hadir di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan sambutan hari ini.

15. Terima kasih kepada pengurusan dan kakitangan PERODUA, semoga terus cemerlang dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan organisasi dan termasuk juga kontraktor, pembekal dan pihak yang terlibat secara langsung dengan syarikat. Selamat Maju Jaya.
  
16. **Saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (*OSH Week*) 2018.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warohmatullahi Wabarokatuh. Terima kasih.